

02 JUN 1998

MAHATHIR-Simposium

HENTIKAN CELAAN TAPI TAWARKAN PENYELESAIAN, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Michael Raj

TOKYO, 2 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyelar pakar-pakar kewangan kerana terus-menerus mempersalahkan kerajaan-kerajaan Asia yang menyebabkan krisis kewangan berlaku, sambil berkata masanya telah tiba bagi mereka merangka sistem kewangan antarabangsa baru untuk menyelesaikan masalah ini.

Perdana Menteri berkata mereka harus berusaha mengadakan perubahan untuk meminimumkan kemudahrupaan kadar tukaran asing, yang telah menggegar pasaran-pasaran mata wang dan menghakis ekonomi beberapa negara termasuk Malaysia akibat serangan spekulatif sejak 11 bulan lalu.

"Tugas kita adalah untuk menumpukan perhatian kepada cara penyelesaian, perkara yang mesti dibuat jika kita hendak memulihkan diri kita sendiri, jika kita hendak memastikan pemulihan Asia," katanya dalam ucap utamanya di Simposium Kelima Institut Hal Ehwal Kewangan Antarabangsa (IIMA) di sini hari ini. Simposium itu dihadiri oleh lebih 200 pemimpin korporat.

Ucapan beliau bertajuk "Pemulihan Ekonomi Jepun dan Negara-Negara Asia Timur". Dr Mahathir, yang sedang dalam lawatan kerja lima hari ke Tokyo, juga akan menyampaikan satu lagi ucap utama di Seminar Antarabangsa Nikkei pada Khamis yang dianjurkan oleh Nihon Keizai Shimbun, Inc.

Perdana Menteri juga akan menemui ketua-ketua pegawai korporat dalam pertemuan persendirian.

Dalam ucapannya hari ini di simposium yang dihadiri oleh ketua pemimpin korporat dan eksekutif perniagaan, terutamanya dari Asia yang termasuk, Presiden IIMA Toyoo Gyoten, Dr Mahathir berkata bagi Malaysia, satu-satunya cara untuk mengatasi ketidakstabilan tukaran asing adalah dengan menghapuskan perdagangan mata wang sebanyak mungkin dan kembali kepada perdagangan tukar barang.

"Kami akan mengimbangi dagangan kami dengan negara-negara yang mempunyai lebih dagangan dengan kami dan Jepun adalah negara yang mempunyai lebih dagangan paling besar. Di mana kami harus membayar, kami akan membayar dalam mata wang rakan dagang terbabit," katanya.

Perdana Menteri berkata bahawa Asia telahpun berusaha ke arah itu kerana mata wang mereka telah susut pada kadar yang lebih kurang sama.

"Kami juga akan menggunakan mata wang-mata wang kami dan mengimbangi dagangan kami, urusan ini mungkin akan menjadi kekal, kecuali sistem kewangan antarabangsa yang baru diadakan yang akan mengurangkan pergerakan turun-naik tukaran asing yang ketara," katanya.

Sambil menyelar pihak yang hanya menuduh, beliau berkata: "Ianya ulasan yang menyedihkan mengenai keupayaan golongan bijak pandai kewangan dan ekonomi dunia jika mereka tidak memberikan cadangan mengenai sistem kewangan yang baru."

Tabiat mereka yang hanya dengan cuba menjelaskan kegawatan sekarang sebagai disebabkan oleh amalan-amalan buruk kerajaan-kerajaan terbabit boleh dianggap sebagai mohon maaf dan melindungi pedagang-pedagang mata wang, sedangkan pada awalnya, tiada sesiapa yang dapat meramalkan krisis ini, katanya.

Sebaliknya, kata beliau, pakar-pakar inilah pada masa yang sama tahun lepas terus-menerus memuji apa yang dikatakan oleh "orang yang kagum dari Barat" sebagai Keajaiban Asia Timur.

Pengarah Urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) Michel Camdessus juga memberi puji-pujian terhadap Malaysia pada masyarakat antarabangsa, dua minggu sebelum keruntuhan Baht Thailand pada 2 Julai.

Sambil menyifatkan sistem perdagangan mata wang sekarang sebagai bercelaru, tidak boleh dipercayai dan boleh mengakibatkan kemusnahan, Dr Mahathir berkata : "Wang tidak tahu sama sesuatu kerajaan itu baik atau jahat dengan menyesuaikan kadar tukaran asing, ada seseorang yang berbuat begitu dan dibuktikan mendapat keuntungan yang banyak."

"Adakah kita perlu melindungi kepentingan orang seperti ini dengan menjejaskan dagangan dunia?" kata beliau.

Dr Mahathir juga membidas pihak yang menggunakan alasan kononnya dagangan mata wang memberikan pasaran kuasa untuk mendisiplinkan kerajaan-kerajaan, dan berkata alasan itu tidak boleh diterima kerana pada hakikatnya, pedagang mata wang memang suka dengan mata wang yang tidak stabil.

"Tak masuk akal bagi mengandaikan bahawa mereka akan mendisiplinkan kerajaan dan menawarkan kepada mereka kestabilan tukaran asing padahal kestabilan seperti itu akan menutup peluang pedagang-pedagang untuk membuat wang," katanya.

Perdana Menteri bersetuju bahawa kerajaan perlu berdisiplin, tetapi berkata rejim kewangan antarabangsa tentunya ketandusan ide jika ia tidak dapat mencari cara lain yang kurang negatif untuk mendisiplin kerajaan.

Daripada mengguna tukaran asing sebagai petunjuk kemakmuran sesebuah negara, Dr Mahathir berkata pakar ekonomi dunia masih mampu untuk merangka ukuran prestasi sesebuah negara dengan menggunakan petunjuk-petunjuk politik, ekonomi dan sosial dan seterusnya memastikan nilai perbandingan mata wang.

Beliau berkata pedagang-pedagang mata wang masih boleh membuat spekulasi, tetapi sama ada mereka membeli atau menjual tidak seharusnya menyinggalakan kesan kepada nilai sesuatu mata wang itu.

"Ini hanyalah satu cadangan, pakar-pakar kewangan dan ahli ekonomi mungkin mentertawakannya, tetapi ia tidak akan menghalang pedagang-pedagang daripada terus mengaut keuntungan besar," katanya.

Dr Mahathir berkata seluruh Asia harus berusaha mengatasi pelbagai kelemahan mereka dan menghapuskan belunggu bukan kerana mereka yang menyebabkan kegawatan ekonomi, tetapi kerana mereka "melemahkan kupayaan kita untuk bersaing dan berjaya."

Sambil berkata penilaian semula bukan jawapan kepada masalah ekonomi dunia, beliau berpendapat peningkatan produktiviti melalui kepakaran dan pengurusan lebih baik dan memperbaiki teknologi secara berterusan adalah sebahagian daripada strategi untuk mengatasi krisis ini.

Dengan itu, katanya, orang ramai harus terus memandang ke Jepun yang mempunyai kuasa untuk memulihkan Asia Timur.

Sebagai ekonomi terbesar di Asia, Jepun mempunyai modal, teknologi dan kepakaran dan serba serbi yang diperlukan untuk tumbuh dan pada masa yang sama menggunakan aset-aset ini untuk menerajui rantau ini, katanya.

Beliau memberitahu perjumpaan yang dihadiri kebanyakannya oleh rakyat Jepun : "Anda harus melabur di negara-negara Asia Timur sebagaimana yang anda buat sebelum ini, anda harus membeli barangan mereka supaya dapat memperkayakan mereka, anda harus membantu dalam menjadikan Asia Timur sebagai sebuah pasaran bagi dirinya sendiri dan bagi dunia."

Dr Mahathir berkata apa yang Malaysia dan rantau ini perlukan adalah pemulihan pelaburan Jepun, untuk menyediakan pekerjaan, memperkayakan rakyat, merangsang pertumbuhan ekonomi dan mencipta pasaran yang baik untuk Jepun.

-- BERNAMA

MR JR MA